

Program RELife TDM tanam 1,000 pokok tingkat kelestarian alam



Penanaman 1,000 pokok pelbagai spesies di sepanjang pinggir Sungai Tayor adalah sebahagian program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) TDM.

KUALA TERENGGANU - TDM Plantation Sdn Bhd (TDMP), bahagian perladangan TDM Berhad (TDM) melalui program RELife telah memartabatkan kelestarian alam dengan menanam 1,000 pokok pelbagai spesies di sepanjang pinggir Sungai Tayor. Program RELife ini telah diadakan di Ladang Tayor, Sungai Tong baru-baru ini dengan kehadiran oleh YBM Tengku Seri Bijaya Raja Datuk Tengku Farok Hussin Tengku Abdul Jalil, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu merangkap Pengerusi TDM, Haji Najman Kamaruddin, Pengarah Eksekutif TDM dan Encik Hamdan Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif TDMP.

TDMP memilih Ladang Tayor untuk program RELife adalah kesinambungan dari projek "River of Life" dalam usaha peremajaan sungai dan juga menggalakkan perlindungan, pemulihan dan penggunaan lestari sungai-sungai di ladang TDMP dan seterusnya mentransformasikan sungai tersebut menjadi tempat tarikan pelancongan dan rekreasi pada masa hadapan. Penanaman ini melibatkan kawasan operasi syarikat yang tidak sesuai untuk menanam kelapa sawit bagi memulihkan hutan yang terjejas di sepanjang zon tebing sungai dan cerun curam.

Penglibatan TDM dalam program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ini amat bermakna terutamanya dalam mencapai matlamat untuk memulihara alam sekitar melalui aktiviti penanaman pokok yang boleh memberi kesan positif kepada alam sekitar dan biodiversitinya yang pelbagai. Selain penanaman pokok, pelepasan spesies ikan-ikan terpilih turut dilakukan di sungai tersebut sebagai pelengkap perasmian program dalam menjaga dan mengekalkan habitat di darat dan juga di air.

YBM Tengku Seri Bijaya Raja Datuk Tengku Farok Hussin Tengku Abdul Jalil, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu merangkap Pengerusi TDM berkata, "RELIFE" menekankan kehidupan semulajadi yang perlu dijaga agar terpelihara dan terus harmoni. Kami menyedari betapa pentingnya usaha-usaha memulihara ekosistem semulajadi dan kami teruja untuk terus merangka hala tuju masa hadapan dengan mengambil tindakan bagi membantu menangani perubahan iklim dan merintis jalan untuk merealisasikan komitmen emisi sifar bersih.

Usaha ini juga merupakan salah satu cara syarikat menunjukkan sokongan kepada kempen "Road To 1 Million Trees 2023", bersempena dengan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Peringkat Negeri Terengganu. Antara pokok yang ditanam bagi menjayakan program RELife adalah Durian, Petai, Jambu Laut, Mentalum, Ketapang, Bintagor Laut, Salam, Putat dan Sentul.

TDM sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi menentang perubahan iklim selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs) iaitu matlamat 13



Pelepasan spesies ikan-ikan terpilih turut dilakukan sebagai pelengkap perasmian program dalam menjaga dan mengekalkan habitat di darat dan juga di air.

(Tindakan Iklim), 14 (Kehidupan dalam Air) dan 15 (Kehidupan di Darat). Segala aktiviti yang dilaksanakan di bawah Projek RELife adalah mengikut Garis Panduan Pengurusan dan Pemuliharaan Rizab Tebing Sungai RSPO 2018. Usaha ini akan membantu mewujudkan kawasan pemuliharaan dan biodiversiti di ladang kelapa sawit sekali gus menyokong dan menyumbang kepada inisiatif Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) syarikat.

"Isu alam sekitar yang semakin meruncing perlu diberi perhatian ekoran pembangunan pesat di Malaysia. TDM mengambil langkah ini bagi mengurangkan kesan akibat pemanasan global dan memangkin penghijauan ladang. Dengan projek RELife yang dilancarkan ini, kami berharap dapat memberi sumbangan yang besar dalam mengem-

balikan rimbunan hutan dan mengurangkan kesan pemanasan global. Kami yakin bahawa melalui program ini, kami dapat menjadikan dunia lebih hijau dan menjamin untuk generasi akan datang. Alhamdulillah hari ini sebanyak 1,000 pokok telah tertanam dari pasukan sukarelawan dari kakitangan Kumpulan TDM, Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF) dan pasukan dari Nestle" kata Haji Najman Kamaruddin, Pengarah Eksekutif TDM.

Pihak syarikat sentiasa berusaha mencari inisiatif untuk menyumbang dan memberi impak positif kepada masyarakat dan kawasan persekitaran demi kesejahteraan generasi masa depan. Aktiviti penanaman pokok ini akan di adakan secara berkala bagi mengekalkan kesejahteraan dan kelestarian alam. - HMN/ES



Antara pegawai dan staff TDM yang terlibat dalam menjayakan program RELife ini.